



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/07/09_37 (HQ)

MEMACU PERALIHAN TENAGA (ET) MALAYSIA: INISIATIF TNB DI UK MENGGARAP PENGETAHUAN BERNILAI DALAM MEMPERLUAS KAPASITI TENAGA BOLEH BAHARU, INFRASTRUKTUR DAN KECEKAPAN TENAGA

- Kerajaan meneroka pasaran import dan eksport tenaga dengan Malaysia menasarkankan peranan penting dalam grid tenaga ASEAN
- Memperkasakan ET Malaysia: Menggarap pengetahuan, kepakaran dan idea TNB daripada pasaran maju seperti Eropah dalam menyokong peralihan tenaga

Penerokaan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dalam perniagaan tenaga boleh baharu (TBB) di Eropah melalui anak syarikat milik penuhnya di UK, Vantage RE Ltd akan membolehkan Malaysia menggarap pengetahuan berharga untuk mempercepatkan Peralihan Tenaga (ET) bertanggungjawab negara, kata Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad.

Adalah penting bagi Malaysia untuk berjaya mengemudi peralihan tenaga ini, sambil mengimbangi isu-isu seperti keterjaminan tenaga, ekuiti tenaga dan kelestarian alam sekitar. Dengan berbuat demikian, Malaysia kekal berdaya tahan dari segi ekonomi dan pada masa sama, memanfaatkan peluang untuk pertumbuhan mampan. Peralihan itu juga akan memberi manfaat kepada negara melalui pemindahan teknologi dan peningkatan kecekapan modal insan.

Nik Nazmi yang berada di London baru-baru ini untuk lawatan kerja ke Vantage RE, memuji TNB atas pencapaian luar biasa dalam menerajui ET Malaysia, mengurangkan jejak karbonnya dan mengembangkan TBB di Malaysia dan di luar negara. Bagi perniagaan TBB TNB di UK, beliau berkata pengetahuan dan kepakaran yang akan dimanfaatkan adalah tidak ternilai untuk TNB dan Malaysia.

Vantage RE yang beribu pejabat di London telah ditubuhkan pada 2021 untuk memiliki, mengendalikan, membangun dan mengurus portfolio aset RE di UK dan Eropah sebagai sebahagian daripada komitmen global TNB terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). TNB kini mempunyai lebih daripada 630 Megawatt (MW) aset TBB yang terdiri daripada projek tenaga suria, angin darat dan luar pesisir merentasi UK.

Dalam lawatannya, Nik Nazmi merasmikan ibu pejabat baharu Vantage RE di 20 Eastbourne Terrace dan melawat ladang angin luar pesisir Vantage RE di luar pesisir pantai Blyth, Pantai Timur Laut England.

Ladang angin luar pesisir Vantage RE beroperasi dengan kerjasama EDF Renewables UK & Ireland, menampilkan contoh aset penjana tenaga bersih berprestasi tinggi.

“Saya berharap Vantage akan terus berkembang dan mencapai kemajuan lebih besar pada tahun-tahun akan datang. Idea dan kepakaran anda amat berharga ketika kami memacu matlamat Peralihan Tenaga yang dicita-citakan,” katanya ketika merasmikan pejabat baharu Vantage RE.

Dalam perjalanan peralihan tenaga UK, kira-kira 31% tenaga elektrik UK dijana daripada angin (26.8%) dan solar (4.4%) pada tahun 2022. Terdapat rancangan untuk meningkatkan kapasiti angin dan solar dengan ketara dalam beberapa tahun akan datang. Ini akan menjadi perkembangan positif untuk Vantage kerana ia sejajar dengan cita-cita pertumbuhan perniagaan terasnya.

Kerajaan UK juga melancarkan Kajian Susunan Pasaran Elektrik (REMA) pada 2022 untuk meningkatkan keselamatan tenaga dan mengurangkan kos elektrik untuk pengguna. Ini akan memberi impak besar kepada harga elektrik dengan menambatnya kepada tenaga elektrik lebih stabil dan lebih murah dijana daripada TBB, berikutan turun naik harga tenaga seperti gas. UK kekal sebagai pasaran tumpuan utama untuk TNB sambil meneruskan pengembangannya dalam pasaran TBB Eropah.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) NRECC, Dato' Mohamad Razif Abd Mubin; Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST), Mohammed Rashdan Mohd Yusof; Ketua Pegawai Eksekutif ST, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood; Kaunselor (Multilateral), Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, Siti A'liah Mansor; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din dan Ketua Pegawai New Energy TNB, Zarihi Hashim.

Nik Nazmi menambah bahawa kerajaan kini sedang meneroka pasaran import dan eksport tenaga dan berhasrat agar Malaysia memainkan peranan penting dalam Grid Tenaga ASEAN (ASEAN Power Grid – APG). "Saya yakin bahawa pengalaman UK menjadi panduan penting untuk Malaysia dalam usaha kita meneruskan visi ini."

Seperti yang dipersetujui, Dato' Indera Ir. Baharin berkata Vantage RE ialah komponen penting dalam perjalanan Peralihan Tenaga Bertanggungjawab TNB, dan pengalaman besar yang diperolehi di UK, telah meletakkan TNB dalam kedudukan yang unik untuk memanfaatkan lebih banyak peluang.

“Perniagaan TBB antarabangsa adalah salah satu bidang keutamaan untuk TNB berkembang maju dalam jangka panjang. Selaras dengan aspirasi kami sebagai pembekal utama tenaga lestari di Malaysia dan antarabangsa, kami akan terus membuat pelaburan besar dalam bidang ini. Usaha seberang laut ini akan mempercepatkan pertumbuhan TBB dan membina keupayaan TNB di pasaran asing, membolehkan kami lebih memahami bagaimana Malaysia boleh mewujudkan rangka kerja yang betul, yang memberi insentif kepada penggunaan teknologi utama seperti Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS), hidrogen serta Perangkap Karbon, Penggunaan dan Penyimpanan (CCUS) yang akan menyokong Peralihan Tenaga.

"Kami komited terhadap agenda Peralihan Tenaga TNB untuk mengurangkan 35% daripada intensiti pelepasan karbon serta 50% daripada kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Vantage RE, Vian Davys berkata, “Di Vantage, kami komited untuk meningkatkan kapasiti TBB untuk memenuhi permintaan tenaga bersih yang semakin meningkat dan seterusnya membangunkan keupayaan TNB untuk menghadapi cabaran masa depan. Selain portfolio semasa 530 MW dan 102 MW dalam pembangunan, kami merancang untuk meneroka pasaran dan teknologi baharu yang menawarkan peluang pertumbuhan menggalakkan, sekali gus mengembangkan jejak kami secara strategik dalam bidang ini.”

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Julai 2023, jam 9:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (keempat kiri) merasmikan pejabat baharu Vantage RE di London baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Dato' Mohamad Razif Abd Mubin (tiga kanan); Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST), Mohammed Rashdan Mohd Yusof (tiga kiri); Ketua Pegawai Eksekutif ST, Dato' Ir . Ts. Abdul Razib Dawood (dua kanan); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (empat kanan); Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London Kaunselor (Multilateral), Siti A'liah Mansor (ekstrem kanan); Ketua Pegawai Tenaga Baharu TNB, Zarihi Hashim (kiri akhir) dan Ketua Pegawai Eksekutif Vantage RE, Vian Davys (dua kiri).



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (keempat kanan), dan anggota delegasi lain baru-baru ini melawat ladang angin luar pesisir Vantage RE, yang terletak di luar pesisir pantai Blyth di Pantai Timur Laut England.